

Bahasa Melayu untuk Penutur Asing

**Isu dalam Pengajaran
dan Pembelajaran**

Editor
NURAIHAN MAT DAUD



KK 499-320-0502011-49-1422-40101

Cetakan Pertama 2018
© Kumpulan Penulis 2018

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: Isu dalam Pengajaran dan Pembelajaran /
Editor Nuraihan Mat Daud

Mengandungi indeks

ISBN 978-983-49-1422-6

1. Malay language--Study and teaching. 2. Malay language--Usage.
3. Speech--Study and teaching. 4. Linguistics teachers --Study and teaching.
I. Nuraihan Mat Daud.

499.2309

Dicetak oleh
Mashi Publication Sdn. Bhd.
No. 68, Jalan Mas Jaya 1
Kawasan Perindustrian Mas Jaya
43200 Batu 9 Cheras
Selangor Darul Ehsan

Kandungan

<i>Senarai Penulis</i>		ix
<i>Prakata</i>		xi
<i>Pendahuluan</i>		xiii
.....		
BAB 1	KELAS PENGAJARAN BAHASA MELAYU UNTUK PENUTUR ASING	1
	<i>Mardian Shah Omar</i>	
.....		
BAB 2	KRITERIA TENAGA PENGAJAR BAHASA MELAYU UNTUK PENUTUR ASING	22
	<i>Zarina Othman</i>	
.....		
BAB 3	PENGURUSAN SIKAP PELAJAR BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ASING	41
	<i>Norizah Ardi</i>	

KANDUNGAN

BAB 4	KECERDASAN EMOSI DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU <i>Yusfarina Mohd Yussof</i> <i>Mardian Shah Omar</i>	55
BAB 5	KRITERIA BUDAYA MELAYU DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ASING <i>Juwati Abdullah</i> <i>Nasrol Hadi Ahmad Shukeri</i> <i>Che Hasniah Ya'acob</i>	69
BAB 6	GAYA PEMBELAJARAN PELAJAR ASING <i>Nurul Jamilah Rosly</i>	88
BAB 7	STRATEGI KESANTUNAN BERBAHASA UNTUK PENUTUR ASING <i>Arina Johari</i> <i>Nurul Jamilah Rosly</i> <i>Sara Beden</i> <i>Norlela Abdollah</i>	106
BAB 8	GANGGUAN PEMEROLEHAN FONOLOGI BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR ARAB <i>Faredah Mahadi</i>	118
BAB 9	PENGAJARAN BAHASA MELAYU PELANCONGAN UNTUK PELAJAR ASING <i>Zahrinan Kamarol Zaman</i> <i>M Mascitah Mansor</i>	124

KANDUNGAN

BAB 10	PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM PENGAJARAN BAHASA	140
	<i>Nurairhan Mat Daud</i>	

<i>Indeks</i>	<i>Semarak Penulis</i>	155
---------------	------------------------	------------

Senarai Penulis

Profesor Dr. Nuraihan Mat Daud (Editor)

Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Profesor Madya Zarina Othman

Pusat CITRA Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dr. Mardian Shah Omar

Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Dr. Norizah Ardi

Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA

Dr. Yusfarina Mohd Yusof

Institut Pendidikan Guru Malaysia

SENARAI PENULIS

Juwati Abdullah
Nasrol Hadi Ahmad Shukeri
Che Hasniah Ya'acob
Universiti Utara Malaysia

Nurul Jamilah Rosly
Arina Johari
Faredah Mahadi
Zahriman Kamarol Zaman
M Mascitah Mansor
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Sara Beden
Universiti Malaya

Norlela Abdollah
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bab 7

STRATEGI KESANTUNAN BERBAHASA UNTUK PENUTUR ASING

Arina Johari, Nurul Jamilah Rosly,
Sara Beden, Norlela Abdollah

Hashim Ahmad (2016) dalam makalah yang bertajuk *Bahasa Menggambarkan Peribadi* menegaskan bahawa bahasa yang diucapkan oleh seseorang itu biasanya menggambarkan latar akhlak masyarakat asalnya kerana bahasa merupakan warisan bangsa. Sementara Tenas Effendy (2011) menyatakan bahawa budaya Melayu sangat menjunjung tinggi nilai kesopanan, yang menjadi asas keajaiban Melayu yang terpuji. Pandangan tersebut melantunkan makna yang mendalam bahawa sebelum mengujarkan atau menyatakan sesuatu, unsur-unsur bahasa sewajarnya dipilih dan disaring agar penggunaannya memperlihatkan kesesuaian mengikut konteks tertentu supaya tidak mencalarkan perasaan pihak lain. Ujaran atau pertuturan yang dizahirkan oleh seseorang dapat mencerminkan peribadi mahupun adabnya dalam berbahasa. Oleh itu, perilaku dan tatakrama dalam berkomunikasi sewajarnya dipelihara dan tidak dipandang remeh agar dapat mencerminkan kecekapan dan kebijaksanaan penutur sekali gus melambangkan jati diri yang dimiliki oleh komuniti yang diwakilinya. Pelestarian dan pembudayaan adab dan etika ketika berkomunikasi menerusi

pelbagai wahana dalam sesebuah masyarakat dapat memastikan kelangsungan sesebuah tamadun bangsa.

Kebelakangan ini, kebanjiran pelajar asing dari pelbagai pelosok dunia memberikan impak yang besar dalam dunia pendidikan Malaysia. Dasar kerajaan yang membuka ruang kepada pelajar asing melanjutkan pengajian di Malaysia pastinya membawa pelbagai budaya dari luar ke negara ini. Namun, aspek kesantunan berbahasa menjadi salah satu elemen penting dalam membentuk keperibadian unggul dan cemerlang dalam kalangan masyarakat. Menurut Khoirul Adib (2009), kebanyakan masyarakat Arab mempunyai sifat kekerasan, kasar dan lebih senang untuk berterus terang jika melakukan kesalahan dengan menggunakan nada intonasi yang keras. Perkara ini sejajar dengan pendapat Zena, Marlyna dan Nor Fariza (2012) dalam kajian yang berkaitan dengan interaksi antara pelajar Arab yang belajar di Malaysia dengan pensyarah menerusi e-mel. Pelajar Arab didapati lebih cenderung menggunakan strategi permintaan secara langsung dan tidak terdapat penggunaan strategi secara tidak langsung.

Oleh itu, strategi kesantunan yang digunakan oleh pelajar Arab telah menyebabkan salah faham dan kesilapan dalam membuat interpretasi maklumat berdasarkan interaksi dalam e-mel. Situasi ini menunjukkan bahawa peserta yang terlibat dalam komunikasi perlu menitikberatkan penggunaan strategi yang sesuai agar tidak menimbulkan salah faham tentang sesuatu maklumat. Apabila salah faham berlaku, maka akan memberikan impak terhadap kelancaran komunikasi sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Situasi ini turut memmanifestasikan bahawa penerapan aspek kesantunan berbahasa perlu dititikberatkan khususnya kepada pelajar asing yang menuntut di negara ini supaya mereka dapat mengadaptasi budaya kesantunan berbahasa sama ada dalam situasi formal mahupun tidak formal.

Sehubungan dengan hal itu, penerapan ini sewajarnya diberi penekanan dan perhatian khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Melayu di dalam kelas. Penerapan aspek kesantunan ini boleh dilakukan secara langsung atau tidak langsung mengikut kesesuaian topik dan aktiviti

kebahasaan yang dijalankan di dalam kelas. Aktiviti kebahasaan ini mencakupi penggunaan kata dan ungkapan yang sesuai untuk berkomunikasi, menekankan aspek kemesraan dan kesantunan tanpa mengesampingkan penggunaan kata panggilan atau sapaan yang sesuai. Aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa tidak seharusnya hanya berfokuskan mekanisme bahasa, sebaliknya menerapkan nilai budaya berbahasa pragmatik. Penerapan nilai ini dapat mendedahkan tataadab berkomunikasi agar penuturnya mengambil kira pelbagai strategi, faktor dan situasi semasa berkomunikasi.

PENERAPAN TEORI KAJIAN KESANTUNAN

Bidang kesantunan mencakupi acuan budaya dan bahasa kelompok tertentu mahupun golongan masyarakat yang lebih luas sifatnya. Hal ini terbukti apabila beberapa sarjana terkenal luar negara melakukan kajian kesantunan bermula dengan mengkhususkan satu bahasa sehinggalah merentasi bahasa dunia dengan mengetengahkan konsep muka, prinsip, strategi dan maksim untuk memerihalkan makna dan kepentingannya dalam situasi tertentu (Arina Johari dan Indirawati Zahid, 2016). Antara pengkaji tersebut termasuklah Goffman (1955), Grice (1975), Brown & Levinson (1987), Leech (1983) dan lain-lain. Selepas mereka, muncul sarjana selain daripada penulis Barat yang turut memperincikan kesantunan bersandarkan konsep muka mengikut acuan budaya dan sosial masyarakat Asia dalam aspek membuat permintaan, strategi melakukan penolakan, memberikan nasihat, sistem sapaan dan sebagainya (Kwon, 2004; Chun, 2005; Park, 2012 dan Tanaka, 2008).

Sarjana tempatan, iaitu Asmah Haji Omar (2000), turut membahaskan tentang konsep muka yang diketengahkan oleh sarjana Barat. Asmah (2000), menjelaskan bahawa dalam masyarakat Melayu konsep muka tidak wujud sebaliknya dirujuk sebagai air muka yang pengertiannya lebih luas serta halus, yang merangkumi muka penutur, pendengar, ahli keluarga dan masyarakatnya (Arina dan Indirawati, 2016). Sementara itu, pengkaji tempatan lain seperti Awang Sariyan (2007) dan Noriati (2013) lebih bertumpu kepada kesantunan yang dibahaskan

mengikuti nilai Islam. Awang Sariyan dalam bukunya *Santun Bahasa* mengaitkan kesantunan masyarakat Melayu dengan amar makruf nahi mungkar, iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Beliau berpendapat sistem panggilan dalam masyarakat Melayu telah mencerminkan kesantunan dan merupakan perkara yang sangat dituntut oleh agama Islam.

Dari aspek kajian kesantunan berbahasa yang dikaitkan dengan pembelajaran bahasa Melayu pula amat kurang dijalankan di negara ini. Namun, terdapat beberapa pengkaji tempatan yang cuba mengaitkan aspek kesantunan dengan komunikasi dalam kalangan pelajar. Misalnya, Setyawati (2013) yang mengkaji tentang kesantunan berbahasa dalam pembelajaran di dalam kelas mendapati guru di Indonesia yang menguasai aspek pragmatik terutamanya kesantunan dapat meningkatkan minat pelajar dalam subjek yang diajar. Manakala Rahardini (2013) mendapati guru dan pelajar (siswa) mengaplikasikan kesantunan untuk mewujudkan keharmonian dalam interaksi pembelajaran bahasa Jawa di Indonesia.

STRATEGI PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA

Budaya hormat-menghormati antara pengajar dengan pelajar merupakan budaya yang perlu dipupuk dalam sistem pengajaran. Dalam kesantunan Melayu, kesantunan dapat dilihat melalui interaksi seseorang dengan orang yang lain semasa berkomunikasi. Komunikasi yang berkesan pastinya menggunakan bahasa sapaan sebagai wahana yang penting dalam interaksi. Menurut Awang Sariyan (2007), sistem sapaan ialah kaedah yang digunakan oleh sesuatu masyarakat atau bangsa semasa menyapa seseorang sama ada dalam konteks yang rasmi mahupun yang bukan rasmi. Beliau telah membahagikan kata ganti nama kepada tiga, iaitu kata ganti nama diri pertama, kata ganti diri kedua dan kata ganti diri ketiga. Kata ganti diri pertama digunakan bagi merujuk penutur sebagai ganti namanya. Kata ganti nama kedua merujuk orang yang dibicarakan, manakala kata ganti nama ketiga digunakan untuk merujuk pihak ketiga. Menurut Nik Safiah *et al.*, (1996) pula, kata ganti nama ialah perkataan yang menjadi pengganti kata

nama khas atau kata nama am ataupun kata yang berdiri di tempat kata nama. Menurut Asmah Haji Omar (1980), kata ganti nama dibahagikan kepada tiga golongan mengikut darjah keakraban antara pihak yang berinteraksi, iaitu:

- (a) Hormat: saya, tuan, puan, beliau.
- (b) Neutral: saya, kami, kita, anda, saudara, saudari, dia mereka.
- (c) Kasar/intim: aku, kamu, engkau, awak, dia, mereka.

Pengenalan asas kata ganti nama kepada pelajar amat penting dalam memperjelaskan fungsi dan cara penggunaannya. Dalam pengajaran, terdapat beberapa kata ganti nama perlu diperjelaskan kepada pelajar terutamanya penggunaan “I” dan “You”. Dalam bahasa Inggeris, penggunaan kata ganti nama ini digunakan untuk semua orang kerana bersifat umum (Ainon, 1997). Namun, dalam budaya Melayu kedua-dua ganti nama ini hanya digunakan antara dua pihak yang mempunyai status sosial yang sama atau digunakan oleh orang yang lebih tinggi status sosialnya kepada orang yang rendah status sosial daripadanya.

Namun, dalam konteks pengajaran, pelajar perlu tahu menggunakan kata panggilan “encik”, “puan”, “awak” dan “kamu”. Selain itu, penggunaan kata ganti nama berbentuk tunggal seperti “aku” perlu difahami penggunaannya kepada pelajar. Penggunaan “aku” selalunya digunakan dalam situasi tidak rasmi, iaitu si penutur dan pendengar mempunyai hubungan rapat. Menurut Abdullah Hassan (1995), penggunaan kata ganti nama “aku” dianggap kasar dan tidak sopan apabila digunakan khususnya sesama orang yang tidak mempunyai hubungan peribadi atau digunakan antara pihak yang mempunyai status sosial yang berbeza. Kerana hal itu, pendedahan penggunaan kata ganti nama “saya” kepada pelajar asing penting bagi mengelakkan kekeliruan ketika berkomunikasi.

Begitu juga dengan penggunaan kata ganti nama “awak” dan “kamu”. Sering kali berlaku salah penggunaannya antara pengajar dengan pelajar asing. Menurut Ainon Mohd (1997), kata ganti nama “awak” dan “kamu” hanya boleh digunakan dalam tiga keadaan. Pertama seseorang itu sangat kita kenal dan sama tarafnya dengan

kita. Kedua, mempunyai umur dan sama taraf sosialnya dengan kita. Ketiga orang itu lebih muda umurnya seperti orang yang berumur 40 tahun bercakap dengan umur 35 tahun. Penggunaan kata ganti nama “awak” dan “kamu” dalam kalangan pelajar asing didapati lebih relevan diaplikasikan bagi menunjukkan kemesraan antara satu sama lain. Berbeza pula daripada kata ganti nama “anda”. Pengenalan kepada penggunaan kata ganti nama “anda” dalam kalangan pelajar asing perlu diperkenalkan bagi tujuan akademik biarpun penggunaannya terbatas dalam perbualan. Menurut Teo Kok Seong (1996), penggunaan kata ganti nama “anda” telah diperkenalkan pada tahun 1960-an sebagai bentuk halus untuk menggantikan kesemua ganti nama itu dalam wacana sopan. Menurut beliau, penggunaan kata ganti nama “anda” agak sukar diamalkan oleh masyarakat Melayu disebabkan penggunaan “anda” ini hanya digunakan bagi tujuan pengiklanan dan surat pekeliling sahaja.

Di universiti, perbezaan taraf sosial perlu diperkenalkan kepada pelajar asing seperti kata panggilan yang melibatkan tenaga akademik dan tenaga pentadbiran. Kata panggilan seperti Encik, Puan, Tuan, Doktor bagi gelaran dalam jawatan Penolong Pensyarah, Pensyarah Kanan, Penolong Profesor, Profesor Madya, Profesor, Profesor Emeritus, Profesor Diraja, Profesor Adjung. Perkara ini penting dalam unsur kesantunan berkendala bagi mewujudkan hubungan yang harmoni ketika berkomunikasi.

Oleh hal yang demikian, penting bagi pengajar pelajar asing menekankan aspek kata ganti nama di dalam kelas bagi mendedahkan penggunaan kata ganti nama yang betul kepada pelajar. Dalam situasi ini dikatakan “kurang ajar” atau “tidak tahu bahasa” jika menggunakan kata ganti nama yang salah. Penggunaan kata ganti nama yang salah dapat menimbulkan rasa kurang senang dalam diri orang disapa mahupun orang yang disapa. Oleh hal yang demikian, pelajar asing perlu peka dan sensitif terhadap penggunaan sistem sapaan semasa berkomunikasi agar penggunaannya tidak dianggap biadab sebaliknya mempamerkan unsur kesantunan ketika berkomunikasi bukan sahaja di dalam kelas malah di luar kelas.

STRATEGI MEMBERIKAN PUJIAN KEPADA PELAJAR

Brown dan Levinson (1987), berpendapat bahawa lakuan bahasa memuji adalah strategi kesopanan positif yang sering digunakan dalam berinteraksi. Penutur melafazkan kata-kata pujian untuk menjaga air muka pendengar, seterusnya membentuk perpaduan sosial dan hubungan solidariti dengan orang lain dalam perbualan. Dalam konteks pengajaran penutur asing, memberikan pujian kepada pelajar merupakan satu lakuan berbentuk motivasi dan terbukti menunjukkan prestasi kecemerlangan dalam mempelajari bahasa Melayu. Menurut Ishar Abg Yaman (2010), prestasi pelajar boleh meningkat dan mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik setelah menerima kata-kata pujian yang dilafazkan oleh ibu bapa.

Menurut Burton (2003), kata-kata pujian yang mengandungi makna positif seperti “anda sangat berjaya”, “anda berkebolehan” dan “anda cemerlang” boleh meningkatkan semangat orang bawahan. Beliau menyatakan bahawa pekerja di sebuah syarikat boleh meningkatkan penghasilan setelah pengurus syarikat kerap mengujarkan kata pujian. Oleh itu, galakan pengajar dalam melafazkan kata pujian seperti “Anda sebenarnya boleh bercakap bahasa Melayu” merupakan ungkapan pujian bermotivasi dan meningkatkan semangat penutur asing dalam mempelajari dan menuturkan bahasa Melayu. Selain itu, pengajar juga boleh menggunakan leksikal pujian kepada pelajar. Kata pujian seperti “bagus”, “hebat”, “pandai”, “bijak”, “cemerlang” dan “baik” sesuai digunakan oleh pengajar bagi merangsang pelajar untuk berjaya.

STRATEGI PERMOHONAN MAAF DALAM KALANGAN PELAJAR

Kebanyakan pelajar asing di institusi pengajian tinggi di Malaysia mengalami masalah dalam kecekapan komunikasi akibat pertembungan budaya. Pelajar didapati tidak mempamerkan pola perlakuan yang sopan ketika berinteraksi, terutamanya ketika berkomunikasi bersama-sama pengajar. Berbeza daripada pelajar tempatan, khususnya pelajar Melayu yang lebih mempamerkan

kesantunan ketika berinteraksi bersama-sama pengajar. Permasalahan ini sebagai perbezaan silang budaya, khususnya dalam melakukan permohonan “maaf” ketika melakukan kesalahan.

Menurut Fahmi (2004), kebanyakan pelajar dari Timur Tengah agak sukar memohon “maaf” atas kesalahan yang dilakukan, sebaliknya meletakkan kesalahan tersebut kepada orang lain. Berbeza daripada pelajar Melayu yang menunjukkan kesantunan yang baik ketika berkomunikasi dengan pengajar. Menurut Maslida (2009), kebanyakan pelajar tempatan tahu dan sedar bahawa apabila sesuatu kesilapan dan kesalahan berlaku maka keperluan untuk meminta “maaf” atas kesalahan yang berlaku perlu ditunjukkan. Berikut ialah pola dan strategi yang dideskripsikan oleh Maslida *et al.*, (2009):


1. IFIDS¹
 - (a) Ungkapan penyesalan.
 - (b) Menawarkan kemaafan.
 - (c) Permintaan bagi kemaafan contoh: Maafkan saya.
2. Penjelasan.
3. Bertanggungjawab.
 - (a) Menyalahkan diri sendiri.
 - (b) Tidak sengaja.
 - (c) Ekspresi mempertahankan diri.
 - (d) Ekspresi rasa malu.
 - (e) Enggan mengakui kesalahan.
 - Menafikan tanggungjawab, contoh: Bukan salah saya.
 - Menyalahkan pendengar, contoh: Salah awak.
4. Mengambil berat pendengar.
5. Menawarkan pembaikan.
6. Janji tidak mengulangi.

Jadual 7.1 ialah kajian yang dilakukan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Gombak bagi menunjukkan penggunaan ungkapan “maaf” dalam kalangan pelajar lelaki dan

1 Penunjuk tindakan illokusyenari.

perempuan dari negara Arab. Oleh itu, satu kajian kecil telah dijalankan yang melibatkan 15 orang pelajar lelaki Arab dan 15 orang pelajar perempuan Arab.

Jadual 7.1 Pola lakuan bahasa maaf pelajar dalam kalangan pelajar Arab.



Bagi pelajar Arab, didapati sebanyak 24 peratus pelajar perempuan dan 32 peratus pelajar lelaki masing-masing menggunakan IFIDS + menawarkan “maaf” (rujuk Jadual 6.4 dan 6.5). Taburan kedua tertinggi bagi pelajar perempuan sebanyak 19 peratus menggunakan IFIDS + penjelasan apabila melakukan kesalahan berbanding dengan pelajar lelaki Arab sebanyak 16 peratus memohon “maaf” atas kesalahan yang dibuat. Taburan kekerapan sahaja yang membezakan penggunaan “maaf” yang dilakukan oleh kedua-dua pelajar. Taburan ketiga tertinggi sebanyak 12 peratus pelajar perempuan Arab menggunakan IFIDS + menyalahkan diri sendiri berbanding dengan pelajar lelaki pula sebanyak 3 peratus menggunakan IFIDS + ungkapan penyesalan.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pelajar perempuan dan lelaki Arab menggunakan jenis bentuk pola “maaf” yang berbeza. Pelajar lelaki Arab lebih senang menawarkan “maaf” kepada

pendengar. Kebanyakan mereka lebih gemar menggunakan perkataan “Insyallah” sebagai janji tidak akan mengulangi sesuatu perbuatan. Hasil kajian juga mendapati mereka mempunyai sikap suka menyalahkan pihak pendengar. Penggunaan pola lakuan “maaf” yang berbeza bukan sahaja pada perbezaan budaya malah faktor jantina juga memainkan peranan yang penting dalam pola lakuan “maaf”. Secara generalisasi menunjukkan bahawa pelajar perempuan Arab lebih banyak menggunakan ungkapan “maaf”.

Berbeza daripada pelajar lelaki Arab yang kurang menggunakan ungkapan “maaf” berbanding dengan pelajar perempuan. Faktor budaya Arab yang suka bersikap berterus terang memberikan kesan kepada komunikasi. Oleh itu, ungkapan “maaf” ini perlu ditekankan oleh pengajar kepada pelajar agar timbul rasa hormat-menghormati antara satu sama lain.

Oleh hal yang demikian, ungkapan maaf ini harus ditekankan dalam pengajaran pelajar asing supaya pelajar sedar tentang kesilapan yang dilakukan mereka. Penggunaan kata “maaf” ini melambangkan unsur kerendahan hati dalam unsur kesantunan.

STRATEGI BUKAN VERBAL

Menurut Bowden (2010), dalam konteks antara muka mengklasifikasikan bahasa bukan verbal melibatkan penggunaan suara dan bahasa tubuh. Pergerakan bahasa tubuh memainkan peranan penting dalam mempamerkan kesantunan. Strategi ini penting dalam memperkenalkan bahasa badan seperti pergerakan dan kedudukan tubuh (anggota badan), ekspresi wajah dan nada suara. Pelajar asing perlu mengetahui setiap anggota melambangkan keperibadian diri seperti menggunakan jari telunjuk bagi menyatakan isyarat. Dalam masyarakat Melayu, menggunakan jari telunjuk menggambarkan ketidaksantunan berbanding dengan menggunakan ibu jari bagi menyatakan isyarat. Begitu juga dengan cara kedudukan pelajar di dalam kelas seperti mengelak daripada berpeluk tubuh, bersilang kaki, berdiri sambil mencekak pinggang serta menutup mulut ketika bercakap. Begitu juga dengan ekspresi wajah, sentiasa melontarkan senyuman bagi menunjukkan kemesraan dan hubungan interpersonal yang positif antara pengajar dengan pelajar. Pelajar asing juga perlu mengawal

nada suara bersesuaian dengan tujuan dan perkara seperti menggunakan nada yang mesra bagi mewujudkan suasana yang harmoni. Lontaran suara yang kuat juga mengganggu kelancaran dalam berkomunikasi.

Penerapan strategi kesantunan di dalam kelas perlu diterapkan bagi mewujudkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang mengamalkan nilai kesantunan. Pengajar memainkan peranan penting dalam mendidik pelajar, terutamanya nilai-nilai yang diamalkan oleh masyarakat Timur. Setiap pihak juga perlu mempamerkan nilai kesantunan walaupun adanya pertembungan pelbagai budaya dari serata dunia. Pengamalan kesantunan berbahasa ini, dalam sistem pengajaran dan pembelajaran pastinya memantapkan lagi komunikasi antara satu sama lain.

RUJUKAN

- Arina Johari dan Indirawati Zahid, "Aplikasi Strategi Kesantunan dalam Rancangan Bual Bicara Radio IKIM FM" dlm. *Jurnal Bahasa* (16) hlm. 120–152, 2016.
- Asmah Haji Omar, 1983. *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1998. *Setia dan Santun Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2000. *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 2007. *Santun Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badaruddin Mohamed *et al.*, 2009. *Kajian Pelajar Antarabangsa di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Bowden, Mark, 2010. *Winning Body Language: Control the Conversation, Command Attention, and Convey the Right Message – Without Saying a Word*. London: NY. McGraw Hill Profesional.
- Ellen Feghali, "Arab Cultural Communication Pattern" dlm. *Jurnal International Relations* (21) hlm. 345–378, 1997.
- Goffman, E., 1967. *Interaction Ritual. Essays on Face to Face Behavior*. New York: Pantheon.

- Grice. H.P., 1975. *Logic and Conversation*. New York: Academic Press.
- Hasan Mustafa & Nu'man Abdul Rozak Samirai, 2007. *Masyarakat Arab dan Budaya Islam*. Bandung: Yayasan Husnul Chotimah.
- Imran Ho Abdullah, 2003. *Lakuan Bahasa Melayu Satu Pengenalan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lee On-Soon, 2010. "The Case of Apology: Comparison between Korean and Japanese as Non-Native Speaker". Tesis Sarjana. Korea: University Korea, 2010.
- Leech, Geoffrey, 1983. *Principles of Pragmatics*. London: Longman.
- Leech, Geoffrey N., 1993. *Prinsip Pragmatik*. Diterjemah oleh Azhar M. Simin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Teks asal dalam bahasa Inggeris).
- Marlyna Maros. "Penyelidikan Lakuan Bahasa: Pemilihan Kaedah dan Pola Penemuan" dlm. *Jurnal Akademika* 71 (7) hlm. 91–115, 2007.
- Marlyna Maros, Aslinda John dan Mohd Baharin Mydin, "Pola Sapaan Pelajar Lelaki dan Perempuan di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi: Satu Kajian Sosiopragmatik" dlm. *Jurnal Gema Online* 10 (2) hlm. 77–96, 2010.
- Maslida Yusof, Marlyna Maros dan Mohammad Fadzeli Jaafar, 2009. "Lakuan Bahasa Maaf dalam Kalangan Pelajar IPTA". Kertas kerja Persidangan Serumpun Seminar UNHAS-UKM IV, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.
- Maslida Yusof, Marlyna Maros dan Mohammad Fadzeli Jaafar, 2009. "Oops... Penanda Kesopanan dan Penebus Kesalahan". Kertas kerja Persidangan Sehari Linguistik. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 2009.
- Sara Beden dan Indrawati Zahid, "Analisis Kesopanan Bahasa Leech dan Grice: Manifestasi Struktur dan Peristiwa Melunas Rindu" dlm. *Jurnal Jati* (14) hlm. 151–168, 2014.
- Tenas, E., 2011. *Kesantunan dan Semangat Melayu*. Pekan Baru dan Pemerintah Kota Pekan Baru: Tenass Effandy Foundation.

Bahasa Melayu untuk Penutur Asing

Isu dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Buku ini menyentuh aspek yang perlu diketahui dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Himpunan 10 karya penulis ini padat dengan ilmu yang merangkumi aspek seperti pembentukan kelas, kriteria tenaga pengajar, kriteria budaya Melayu, sikap pelajar asing, teknologi pengajaran, strategi kesantunan berbahasa, gangguan fonologi, pengajaran pelancongan, penerapan kecerdasan emosi, dan perbezaan ejaan. Hal ini demikian kerana penulisnya menulis berdasarkan keperluan dan pengalaman mengajar dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa untuk penutur asing. Buku ini sesuai dijadikan rujukan kepada mereka yang menawarkan kursus Bahasa Melayu kepada penutur asing seperti pensyarah, guru dan orang awam.

RM18.00

ISBN 978-983-49-1422-6



9 789834 914226